

# MASJID BANDARAYA KUCHING





Jalan-Datuk Ajibah-Abol

Jalan-Haji-Taha

Jalan-P.-Ramlee

Jalan Market

Jalan-Powet

Jalan-Masjid

Lebuh Java

Jalan-Gambir

Lorong Ban Hock

Lorong Khatib Joo

Pearl Street

Jalan China

Jalan-Main-Bazaar

Jalan-Ewe-Hai

Jalan-Wayang

Tabuan

1840

1852


Perdana Menteri Malaysia,  
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,  
berucap di upacara perletakan batu asas  
Masjid Baharu pada tahun 1966 yang kini  
dikenali sebagai Masjid Bandaraya Kuching.

1930

1968

1980

1990



*Masjid Negeri Sarawak  
Pada Tahun* **2008**

# SEJARAH PERKEMBANGAN LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK



Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Besar Kuching mula ditubuhkan seawal tahun 1985 dan telah diperbadankan pada tahun 1960 di bawah The Mesjid Besar (Kuching) (Charitable Trust) Order, 1960 dengan nama Mesjid Besar (Kuching) Charitable Trust. Pada 7 Januari 1981 pula, ordinan tersebut telah diubah semula menjadikan nama baru bagi masjid itu adalah Masjid Negeri Sarawak Charitable Trust atau Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak melalui Masjid Negeri (Sarawak) (Charitable Trust) (Amendment) Order, 1981.

Bagi mendapatkan kelulusan mengenai pengubahaian ordinan tersebut, ia telah dibawa ke Dewan Undangan Negeri pada 19 Mei 1994. Ordinan tersebut ada menyatakan bahawa, “An Ordinance to repeal and replace the Charitable Trusts Ordinance and to make better provision in the Law with respect to the creation, administration and management of Charitable Trusts and to provide for matters connected therewith and incidental thereto”. Maka, pada 19 Jun 1994, Dewan Undangan Negeri Sarawak dengan perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah meluluskan Charitable Trusts Ordinance, 1994, The Laws of Sarawak Chapter 7.

# MASJID BANDARAYA KUCHING

Kaum muslimin Negeri Sarawak memang telah lama sedar betapa pentingnya Masjid yang sederhana besar dibina di bandar Kuching bagi menggantikan Masjid yang lama.

Justeru, sekitar tahun 1958, Presiden Badan Lembaga Amanah Masjid Besar Kuching iaitu Tuan Haji Yusof Shibli merangkap Mufti Sarawak telah mewujudkan satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Tabung Derma Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Besar Kuching yang bertanggungjawab untuk mengutip derma bagi tujuan memperbaiki Masjid. Al-Ustaz Haji Abdul Kadir Hassan telah dilantik sebagai setiausaha bagi jawatankuasa tersebut. Sepanjang jawatankuasa tersebut ditubuhkan, ia telah berjaya mengutip derma sebanyak RM30,000 daripada orang-orang Islam di negeri Sarawak sahaja. Jumlah kutipan tersebut adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan tujuan penubuhan jawatankuasa itu.



Pada tahun 1964, Yang Berbahagia Dato' Abang Haji Sapuani, P.N.B.S. telah dipilih menjadi Yang Dipertua Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Besar Kuching bagi melaksanakan tanggungjawab jawatankuasa tersebut. Ahli jawatankuasa di bawah naungan beliau telah berazam untuk meneruskan tugas yang telah diselenggarakan oleh Badan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Besar Kuching pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, kutipan derma tidak hanya daripada orang Islam sahaja, malahan turut melibatkan golongan dermawan lain tanpa mengira bangsa maupun agama. Maka, dengan berkembangnya kutipan derma tersebut, satu jawatankuasa baru telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Tabung Derma Masjid dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Abang Haji Marzuki Nor, P.N.B.S.

Menjelang Februari 1966, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu telah dijemput untuk upacara meletakkan Batu Asas Masjid yang hendak diperbaharui itu. Setelah melihat keadaan Masjid tersebut serta atas kesedaran betapa pentingnya untuk negeri Sarawak mempunyai sebuah Masjid yang lengkap dan sederhana besarnya sebagai lambang Islam dan Perpaduan, maka beliau telah mencadangkan supaya Masjid lama itu dirobohkan dan digantikan dengan sebuah Masjid yang baru.

Cadangan tersebut dipersetujui sebulat suara dan usaha mengutip derma diteruskan dengan lebih giat lagi bagi melaksanakan pembinaan Masjid yang baru kerana kos pembinaan dianggarkan berjumlah RM 1 juta.

Kini, Masjid Negeri Sarawak teguh berdiri sebagai lambang Islam dan ia juga turut dikenali sebagai Masjid Bandaraya.



**AHLI-AHLI**  
**LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK**



**1960 - 1964**

Duduk dari kiri: Encik Abang bin Joll (Bendahari), Tuan Haji Yusuf Shibli, Mufti Sarawak (Pengerusi), Al Ustad Mohd. Mortadza Haji Daud, S.K.N. (setiausaha), Dato' Abg. Haji Morni Abg. Latif

Barisan belakang dari kiri: Tuan Haji Zen bin Jamel, Y.B. Tuan Haji Su'ut Tahir, A.B.S., M.P., Tuan Haji Ali bin Ahmad, Tuan Haji Mustapha Junid

**1964 - 1967**

Duduk dari kiri: Dato' Haji Morni, Abang bin Joll, Dato' Abang Sapuani Juaini, P.N.B.S. (Pengerusi), Al Ustad Abdul Kadir Hassan, S.K.N. (Setiausaha), Dato' Abang Haji Marzuki Nor, P.N.B.S.

Berdiri dari kiri: Encik Mohamad Haji Bakeri, A.M.N., P.B.S., Tuan Haji Wall, T.K. Ibrahim Ali, Tuanku Sa'adi bin Tuanku Othman



**1968 - 1971**

Duduk dari kiri: Tuanku Sa'adi bin Tuanku Othman, Abang bin Joll (Bendahari), Dato' Abang Haji Sapuani Juaini, P.N.B.S., Abang Sufian Abg. Haji Junaidi (Setiausaha), Dato' Abg. Haji Marzuki Nor, P.N.B.S.

Berdiri dari kiri: Cikgu Othman Zainudin, Encik Salleh Embai, Encik Jally Hassan, S.K.N., Al Ustad Anis Abot



## SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan bagi membina Masjid yang baru kebanyakannya dari Kerajaan Pusat iaitu sebanyak RM 250,000 manakala melalui kutipan orang ramai pula sebanyak RM250,000.

Semasa upacara meletakkan Batu Asas oleh Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, beliau telah menyumbangkan dana sebanyak RM 100,000 untuk tujuan tersebut. Disamping itu, satu rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Yakub telah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu iaitu Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Al-Haj untuk membincangkan mengenai masalah kekurangan sumber kewangan yang dialami. Rombongan tersebut turut disertai oleh Yang Berbahagia Dato' Abang Haji Marzuki Nor, Tuan Presiden Majlis Islam Sarawak, Al-Ustaz Mohamad Mortadza Haji Daud dan juga Encik Jally bin Hassanuddin S.K.N. Hasil dari perjumpaan tersebut, Yang Amat Berhormat telah bersetuju untuk menyumbangkan dana sebanyak RM 150,000 bagi menampung perbelanjaan membina Masjid baru tersebut.

Maka, jumlah keseluruhan yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan Pusat adalah sebanyak RM 500,000 dan mereka bersetuju untuk menambahkan lagi sumber kewangan sekiranya masih terdapat kekurangan. Pihak Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan untuk tujuan tersebut sekiranya diperlukan.



## TEMPOH PEMBINAAN

Masjid lama mula dirobohkan pada 5 Februari 1967 oleh pihak Tentera Malaysia dan pada bulan Mei 1967, kerja meroboh masjid telah selesai.

Pada 16 Jun 1967 pula, selepas sembahyang Asar, satu Majlis Doa Selamat diadakan di tapak tanah Masjid tersebut dan pada keesokan harinya bersamaan 17 Jun 1967, kerja-kerja pembinaan Masjid baru telah dimulakan dengan rasminya.



## TAPAK MASJID

Masjid baru yang dibina terletak di sebuah kawasan di atas bukit bekas tapak Masjid lama. Masjid yang seluas 4.04 ekar itu mampu memuatkan seramai 4,000 orang jemaah pada satu masa. Di hadapan kawasan Masjid tersebut turut disediakan ruang untuk meletakkan kenderaan. Berhadapan dengan masjid pula terdapat sebuah jalan raya besar yang menghala ke Bangunan Sekretariat, Batu Peringatan Perang, Pejabat Penerangan Malaysia, Klinik-klinik dan juga pejabat-pejabat kerajaan yang lain. Di Selatan Masjid pula, terdapat sebuah pusat penginapan "Arif Hotel" yang dimiliki oleh seorang warga Bumiputera Sarawak beragama Islam.

Bersebelahan dengan Masjid terdapatnya sebuah Dewan Masyarakat, iaitu satu kemudahan dan tempat permainan bagi orang-orang bumiputera khasnya dan bangsa-bangsa lain amnya. Di bahagian belakangnya pula terdapatnya Sungai Sarawak manakala di sekeliling Masjid pula ialah tanah perkuburan orang-orang Islam sejak dahulu lagi.



## KAWASAN MASJID

Di sekeliling kawasan masjid telah dipagari dengan besi kelabu dan di atasnya didirikan tiang-tiang besi berwarna hijau yang jaraknya ialah sejauh 25 kaki setiap satunya. Pada pagar dan pintu gerbang menuju ke masjid pula terdapat batu berukir bagi menghiasi kawasan tersebut. Tidak ketinggalan juga lampu-lampu yang ditempatkan di setiap tiang pagar bagi menambahkan lagi keindahannya pada waktu malam.

## BENTUK DAN REKAAN

Reka bentuk Masjid baru yang dibina adalah hasil ilham daripada Y.T. Lee & Co., sebuah Firma Arkitek yang ternama di Kuala Lumpur pada masa itu. Rekaan tersebut turut mendapat sentuhan hasil cadangan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berbahagia Dato' Abang Haji Sapuani. Antara cadangan yang dikemukakan ialah dengan membina kubah-kubah dan ditambahkan lagi dengan anjung di bahagian hadapan Masjid tersebut. Cadangan itu dibuat semasa perjumpaan dengan Yang Teramat Mulia yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Yakub Al-Haj merangkap Menteri Tanah dan Galian Malaysia ketika itu. Turut serta adalah Dato' Abang Haji Sapuani dan juga Encik Jally bin Hassanuddin S.K.N.

Masjid ini mempunyai satu kubah besar yang dikelilingi oleh empat buah kubah kecil yang diperbuat daripada aluminium berwarna keemasan. Di kemuncak kubah besar tersebut terdapatnya bintang dan bulan sebagai lambang Agama Islam. Selain daripada kubah-kubah tersebut, dapat dilihat juga kubah-kubah konkrit yang mana empat buah kubah adalah di atas empat buah menara setinggi 78 kaki manakala dua buah kubah lagi terletak di atas dua buah menara yang rendah.




## ANJUNG PINTU BESAR

Anjung terbuka di hadapan pintu besar masuk ke dalam Masjid berbentuk suku bulatan dan mempunyai 12 tiang bulat yang bertatah dengan Terrazzo serta ditambahkan dengan hiasan kulit-kulit sifut dari Jepun. Di atasnya pula tersergam sebuah kubah konkrit yang dihiasi dengan jubin berwarna kuning berbintik keemasan. Di bahagian kiri dan kanannya masing-masing terdapat empat buah kubah kecil berwarna hijau berbintik keemasan.

Anjung ini mempunyai tiga buah tangga yang ditempatkan di kiri, kanan dan tengah-tengah. Pada setiap anak tangga terdapat petak-petak dengan bilangan angka-angka yang dibuat khas untuk menyimpan kasut atau selipar. Di sebelah kiri dan kanan anjung ini pula didirikan dua buah tempat bunga empat persegi yang diperbuat dari Batu Marmor berwarna hitam berbelang putih.

Di dalam masjid terdapat dua buah tangga menuju ke balkoni di tingkat atas. Tangga ini dilengkapi dengan Terrazzo yang berwarna putih berbintik hitam dan disisinya dipagari dengan besi beralas dengan kayu teak.




Lantai balkoni ini juga di alas dengan Terrazzo berwarna putih berbintik hitam. Sisinya diwarnakan dengan warna hijau berbintik putih. Tingkat ini digunakan sebagai tempat sembahyang orang perempuan. Di tepi sebelah kiri terdapat sebuah bilik syarah seluas  $20' \times 52'$  yang beralaskan lantai Teak Parquet dan dilengkapi dengan sebuah pentas yang direka bertudung. Rekaan tersebut adalah ilham daripada Encik Hasbie Sulaiman, seorang pelukis dari Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak. Bilik tersebut mampu memuatkan seramai 150 orang.

Di tengah-tengah balkoni serta berhadapan dengan Mihrab terdapat sebuah bilik seluas  $18' 6" \times 12'$  dan mempunyai ketinggian  $7' 5"$  dari lantai. Bilik tersebut merupakan bilik rakaman khas untuk Radio Malaysia Sarawak bagi merakamkan Upacara Sembahyang Hari Raya, Sembahyang Jumaat serta pelbagai hari kebesaran agama Islam yang lain.

Pintunya pula diperbuat dari kayu cengal serta dilengkapi dengan kaca yang cerah. Jendelanya turut dilengkapi dengan besi dan juga kaca yang cerah. Di ambang pintu besar pula terdapatnya ukiran ayat-ayat suci Al-Quran sebagai perhiasan.

## BUMBUNG

Bumbung masjid yang baru dibina menggunakan konkrit yang rata dan terlindung oleh tembok-tebok di sekelilingnya. Di atas tembok itu pula dapat dilihat rekaan berbentuk bulan sabit yang berada di atas bulatan.



## KEMUDAHAN

Secara keseluruhannya, terdapat 418 buah lampu ditempatkan di dalam serta sekitar masjid termasuklah kipas angin. Cahaya dari lampu masjid mampu menyinari segenap ruang kawasan masjid terutama sekali sinaran lampu yang memancar dari atas keempat-empat menara penjuru masjid tersebut.

Masjid ini juga mempunyai kelengkapan alat pembesar suara yang bernilai sekitar RM 10,000 dan pemancarnya disalurkan pada tiap-tiap menara bagi membolehkan masyarakat mendengar laungan azan yang berkumandang di masjid sebagai tanda telah masuknya waktu sembahyang.



## PERKHIDMATAN



Masjid Bandaraya Kuching juga menyediakan kelas Taklim Wanita pada sebelah pagi. Kemudahan seperti bilik mesyuarat serta bilik rehat untuk tetamu khas turut disediakan. Kegiatan waktu malam seperti majlis-majlis ilmu dan pembacaan al-Quran turut menghidupkan suasana Masjid serta membawa bersama suasana kesyahduan keagamaan yang merupakan suatu tradisi yang sinonim dengan budaya dan tamadun Islam.



## PENUTUP

Selain menjadi tempat beribadah, masjid juga dilihat sebagai lambang kebesaran dan keluhuran Agama Islam. Oleh itu, dengan terbinanya Masjid Negeri Sarawak yang kelihatan indah dan permai serta tersergam dengan megahnya, maka terlaksanalah cita-cita kaum muslimin negeri Sarawak untuk memiliki sebuah masjid yang lebih besar dan lengkap untuk kemudahan mereka mendekatkan diri kepada Yang Maha Esa.

